KEBERKESANAN KAEDAH AL-HIRA' DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN DI KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN

Mohd Hanafi Jusoh
Iruwan Idris

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui keberkesanan Kaedah Al-Hira' dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran serta mengatasi masalah ketidakmampuan membaca al-Quran dalam kalangan pelajar semester 1 di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengalami masalah dalam pembacaan al-Quran. Pelajar-pelajar dalam kajian ini dipilih oleh pensyarah kelas melalui ujian bacaan al-Quran. Pelajar yang terlibat diberikan bengkel pemulihan al-Quran yang mana mereka diajar membaca al-Quran menggunakan Kaedah Al-Hira' selama sebulan untuk 20 jam. Bagi menguji keberkesanan kaedah ini, pengkaji telah melakukan ujian pra sebelum bengkel dan ujian pos selepas bengkel terhadap pelajar yang terlibat. Hasilnya, didapati bahawa tiada pelajar yang gagal dan setiap pelajar yang mengikuti bengkel ini mendapat markah yang tinggi selepas ujian pos dilakukan. Peningkatan markah yang paling ketara ialah sebanyak 74 markah iaitu peningkatan sebanyak 583 peratus. Di akhir kajian ini dicadangkan beberapa langkah untuk memperkukuhkan lagi keberkesanan hasil daripada penggunaan kaedah ini.

Kata kunci: Kaedah pengajaran dan pembelajaran, Al-Hira', latih tubi.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, terdapat pelajar yang menghadapi masalah membaca al-Quran. Ini terbukti apabila pensyarah melakukan ujian bacaan al-Quran di dalam kelas. Terdapat pelajar yang memang lemah dan tidak dapat membaca teks al-Quran walau sedikit pun. Ada juga pelajar terpaksa membaca atau menghafal surah-surah atau doa-doa tertentu menggunakan tulisan rumi ketika ujian bacaan dilakukan ke atas mereka. Ini merupakan satu kesalahan dalam membaca al-Quran. Kesannya pelajar terbabit akan memperolehi markah yang rendah serta tidak bermotivasi menghadiri kuliah untuk kursus Pendidikan Islam. Perkara ini memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik pelajar terbabit.

Pada masa yang sama, pengkaji dan juga pensyarah-pensyarah lain turut merasa sedih dan kecewa terhadap segelintir remaja Islam masa kini yang dibesarkan oleh ibu bapa yang beragama Islam, dalam keluarga Islam dan dalam negara yang majoriti rakyatnya beragama Islam tetapi tidak boleh membaca al-Quran yang merupakan sumber hukum kepada orang Islam. Ini sebenarnya merupakan satu fitnah kepada orang Islam itu sendiri. Hasil daripada kesedaran ini, pengkaji berpendapat sesuatu perlu dilakukan bagi memastikan perkara ini tidak berterusan dalam masyarakat terutamanya bagi pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS).

Untuk menyelesaikan masalah ini, pengkaji telah menjalankan bengkel pemulihan membaca al-Quran menggunakan Kaedah Al-Hira' yang mengambil masa selama sebulan (atau 20 jam) bagi pelajar-pelajar yang dipilih untuk menyertai bengkel tersebut. Kaedah Al-Hira' ini telah

diperkenalkan oleh Dr.Hj Muhammad Roihan Al-Mandily dalam bukunya yang berjudul ‘Kaedah mudah membaca al-Quran’.

ISU KEPERIHATINAN

Berdasarkan kepada laporan soalselidik terhadap pelajar semester 1 sesi Jun 2011 yang lalu, dari 800 soalselidik yang diedarkan sebanyak 12% atau seramai 100 orang pelajar mengakui bahawa mereka tidak boleh membaca al-Quran. Seramai 97 daripada 100 orang pelajar yang menghadapi masalah dalam membaca al-Quran berminat untuk menyertai bengkel pemulihan al-Quran. Memandangkan masalah pelajar yang tidak mampu membaca al-Quran telah berlarutan dari satu semester ke semester yang lain, pengkaji berpendapat perkara ini merupakan satu fenomena yang tidak sihat khususnya kepada Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dan masyarakat Islam secara keseluruhannya.

Pada masa yang sama, pelajar yang tidak mampu membaca al-Quran juga mendapat markah yang rendah bagi Kursus Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Ini menyebabkan pelajar terbabit tiada motivasi untuk menghadiri kuliah bagi kursus berkenaan dan akhirnya ini memberi kesan ke atas pencapaian akademik pelajar tersebut.

Bagi memastikan masalah ini tidak berlarutan, pengkaji berpendapat perlu ada satu kaedah atau bengkel khusus yang boleh membantu pelajar untuk mengatasi masalah ini. Justeru itu, pengkaji telah mengadakan bengkel pemulihan al-Quran dengan menggunakan Kaedah Al-Hira’. Bengkel ini adalah cara untuk menilai dan mengenalpasti keberkesanan kaedah yang ingin dijadikan satu kaedah yang khas dan seragam di PTSS. Dalam bengkel ini, pelajar didedahkan dengan kaedah-kaedah untuk membaca al-Quran dengan cepat. Pada masa yang sama, pelajar juga dididik untuk memuliakan al-Quran dan diterapkan dengan kepentingan membaca al-Quran untuk diri sebagai seorang pelajar Muslim.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum

Meningkatkan kemampuan, kemahiran dan minat pelajar terhadap pembacaan al-Quran serta memberikan kesedaran tentang kepentingan al-Quran dalam kehidupan sebagai seorang pelajar Muslim. Ia juga bertujuan untuk mengikis sikap negatif sesetengah pelajar yang menganggap bahawa membaca al-Quran adalah suatu yang perkara susah dan rumit.

Objektif khusus

1. Menilai keberkesanan penggunaan Kaedah Al-Hira’ dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

2. Mencari satu kaedah alternatif yang terbukti mampu untuk membantu pelajar belajar membaca al-Quran dengan berkesan dalam masa yang singkat.

KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan 25 orang pelajar semester 1 sesi Jun 2011 di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin daripada pelbagai jabatan akademik yang mendaftar secara sukarela dalam bengkel pemulihan membaca al-Quran yang dianjurkan oleh Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am (JPA) Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Pengkaji telah memilih hanya 25 orang pelajar sahaja sebagai langkah permulaan untuk menghadiri bengkel pemulihan ini.

PELAKSANAAN KAJIAN

Proses pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan melalui dua cara iaitu ujian dan bengkel. Ujian yang dilakukan ialah ujian pra dan ujian pos. Manakala bengkel pula dilaksanakan mulai 1 hingga 25 Ogos 2011.

Ujian pra

Ujian pra bacaan al-Quran telah dilaksanakan ke atas pelajar sebelum pelajar menghadiri bengkel pemulihan membaca al-Quran. Ujian tersebut telah dijalankan oleh pensyarah dan dibantu oleh fasilitator yang telah dilatih menggunakan borang ujian pra bagi mengetahui tahap keupayaan pelajar membaca al-Quran sebelum menyertai bengkel. Dalam ujian ini pelajar diminta membaca 10 ayat yang berbeza. Setiap tahap bacaan pelajar diberi markah yang berbeza berdasarkan rubrik pemarkahan seperti Jadual 1. Setiap hasil bacaan respondan dicatat di dalam borang ujian pra tersebut.

Jadual 1: Rubrik pemarkahan untuk ujian pra dan ujian pos bacaan al-Quran

Cemerlang (9 - 10)	**Baik (7 - 8)**	**Sederhana (4 - 6)**	**Lemah (1 - 3)**
Pelajar dapat membaca ayat dengan sebutan huruf yang fasih, tajwid yang betul dan bacaan yang lancar.	Pelajar dapat membaca ayat dengan sebutan huruf yang baik, tajwid yang kurang tepat dan bacaan yang sederhana lancar.	Pelajar membaca ayat dengan sebutan huruf yang kurang tepat, tajwid yang tidak betul dan bacaan yang tersekat-sekat.	Pelajar tidak dapat membaca ayat al-Quran yang diberikan

Ujian pos

Ujian pos bacaan al-Quran telah dilaksanakan ke atas pelajar setelah pelajar selesai mengikuti bengkel pemulihan bacaan al-Quran selama 20 jam. Ujian tersebut telah dijalankan oleh pensyarah dan dibantu fasilitator yang telah dilatih menggunakan borang penilaian yang sama dengan ujian pos. Ujian ini bertujuan untuk melihat perbandingan markah yang dicapai oleh pelajar sebelum dan selepas menyertai bengkel pemulihan membaca al-Quran.

BENGKEL PEMULIHAN MEMBACA AL-QURAN

Bengkel ini menggunakan Kaedah Al-Hira' sebagai asas di dalam kaedah pengajaran dan pembelajarannya. Bengkel ini telah dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan 1432 hijrah iaitu mulai 1 Ogos sehingga 25 Ogos 2011. Bengkel ini melibatkan dua orang pensyarah dan dibantu oleh lapan orang fasilitator. Peserta-bengkel bengkel dibahagikan kepada 8 kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada tiga atau empat orang peserta. Setiap peserta bengkel diberikan sebuah modul pembelajaran al-Quran Kaedah Al-Hira'.

Kaedah Al-Hira' mengandungi 22 bab pelajaran yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian 1 mengandungi 13 pelajaran yang dinamakan sebagai pelajaran Asas Al-Hira'. Manakala bahagian 2 pula mengandungi 9 bab pelajaran yang dinamakan sebagai pelajaran Tajwid Al-Hira' .

Peserta-peserta bengkel hanya diajar pelajaran 1 hingga 13 sahaja. Para peserta diperkenalkan kepada sistem bacaan langsung. Mereka diajar menyebut bunyi huruf tanpa diajar nama-nama huruf hijaiyyah sebelum dapat membaca al-Quran. Peserta hanya diajar menyebut nama-nama huruf apabila mereka dapat sampai ke pelajaran 13.

Kaedah Al-Hira menjadikan kaedah latih tubi dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran sebagai asas pengajarannya. Setiap peserta diminta mengulang-ulang perkataan sehingga mahir dan lancar. Peserta tidak beralih ke pelajaran yang seterusnya jika gagal menguasai pelajaran yang terdahulu. Walaubagaimanapun peserta diajar mengikut jadual yang dirancang. Setiap bab pelajaran mempunyai kepentingan yang berbeza dan diberi penekanan oleh pensyarah berdasarkan kepentingan tersebut. Jadual 2 menunjukkan pelaksanaan bengkel tersebut.

Jadual 2: Jadual pelaksanaan bengkel pemulihan membaca al-Quran.

Bil	Hari/ Tarikh	Aktiviti
1	Isnin (1 Ogos 2011)	Modul pelajaran 1
2	Selasa (2 Ogos 2011)	Sambung modul pelajaran 1
3	Rabu (3 Ogos 2011)	Sambung modul pelajaran 1
4	Khamis (4 Ogos 2011)	Modul pelajaran 2
5	Jumaat (5 Ogos 2011)	Modul pelajaran 3
6	Isnin (8 Ogos 2011)	Modul pelajaran 4
7	Selasa (9 Ogos 2011)	Sambung modul pelajaran 4
8	Rabu (10 Ogos 2011)	Modul pelajaran 5
9	Khamis (11 Ogos 2011)	Sambung modul pelajaran 5

Bil	Hari/ Tarikh	Aktiviti
10	Jumaat (12 Ogos 2011)	Modul pelajaran 6
11	Isnin (15 Ogos 2011)	Modul pelajaran 7
12	Selasa (16 Ogos 2011)	Sambung modul pelajaran 7
13	Rabu (17 Ogos 2011)	Modul pelajaran 8
14	Khamis (18 Ogos 2011)	Sambung modul pelajaran 8
15	Jumaat (19 Ogos 2011)	Modul pelajaran 9
16	Isnin (22 Ogos 2011)	Sambung modul pelajaran 9
18	Selasa (23 Ogos 2011)	Modul pelajaran 10
19	Rabu (24 Ogos 2011)	Modul pelajaran 11
20	Khamis (25 Ogos 2011)	Modul pelajaran 12
21	Jumaat (26 Ogos 2011)	Modul pelajaran 13

ANALISIS DATA

Analisis markah ujian pra

Analisis data berdasarkan ujian pra yang telah dijalankan, mendapati bahawa tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam bengkel pemulihan membaca al-Quran adalah lemah di mana 18 orang mendapat markah 49 dan ke bawah, 4 orang mendapat markah di antara 50 hingga 64, 1 orang mendapat markah 65 hingga 79 dan 2 orang mendapat markah di antara 80 hingga 100.

Analisis markah ujian pos

Analisis data berdasarkan ujian pos yang telah dijalankan selepas bengkel mendapati bahawa tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam bengkel pemulihan membaca al-Quran telah meningkat dan didapati tiada responden yang mendapat markah 49 dan ke bawah berbanding dengan 18 orang semasa ujian pra. Manakala 2 orang mendapat markah di antara 50 hingga 64, 6 orang mendapat markah di antara 65 hingga 79 berbanding dengan seorang dalam ujian pra. 17 orang mendapat markah di antara 80 hingga 100 berbanding dengan 2 orang semasa ujian pra. Jadual 3 menunjukkan perbandingan markah yang diperolehi dalam ujian pra dan pos.

Jadual 3: Perbandingan markah ujian pra dan ujian pos untuk peserta bengkel pemulihan membaca al-Quran.

		Bilangan pelajar	
Markah	**Justikasi**	**Ujian pra**	**Ujian pos**
80 - 100	Cemerlang	2	17
65 - 79	Baik	1	6
50 - 64	Sederhana	4	2
49 ke bawah	Lemah	18	0
	Jumlah	25	25

Berdasarkan jadual 3, didapati bahawa 18 peserta telah gagal dalam ujian pra. Ini bermakna 72 peratus daripada keseluruhan peserta bengkel telah gagal. Manakala daripada 7 orang yang mendapat markah lebih daripada 50, hanya 2 orang yang mendapat markah cemerlang iaitu melebihi 80.

Jadual 3 juga menunjukkan bahawa daripada 18 peserta yang gagal semasa ujian pra, tiada peserta telah gagal dalam ujian pos selepas menghadiri bengkel. Sementara itu, terdapat kadar peningkatan yang sangat ketara di mana di dalam ujian pra, hanya 2 orang (atau 8 peratus daripada keseluruhan peserta) mendapat markah di antara 80 hingga 100 iaitu markah cemerlang. Hasil daripada ujian pos, jumlah pelajar yang mendapat markah cemerlang telah meningkat kepada 17 orang iaitu peningkatan 15 orang.

Jadual 4: Perbandingan markah di antara ujian pra dan ujian pos dalam bentuk markah dan peratus peningkatan.

Bil pelajar	Markah			Peratus peningkatan
	Ujian pra	Ujian pos	Perbezaan markah	
1	12	82	70	583
2	10	64	54	540
3	43	74	31	72
4	45	78	33	73
5	54	89	35	65
6	11	93	82	745

Bil pelajar	Markah			Peratus peningkatan
	Ujian pra	Ujian pos	Perbezaan markah	
7	23	96	73	317
8	11	76	65	591
9	17	85	68	400
10	18	62	44	244
11	56	95	39	70
12	65	83	18	28
13	45	93	48	107
14	20	78	58	290
15	10	89	79	790
16	82	94	12	15
17	81	95	14	17
18	14	73	59	421
19	16	90	74	463
20	40	91	51	128
21	43	73	30	70
22	52	86	34	65
23	53	97	44	83
24	16	87	71	444
25	42	89	47	112

Berdasarkan jadual 4, pengkaji mendapati bahawa peningkatan markah di antara ujian pra dan pos sangat ketara. Peningkatan yang paling ketara ialah peningkatan daripada 12 markah ke 82 markah iaitu sebanyak 70 markah. Ini bermakna peningkatannya ialah sebanyak 583 peratus.

Berdasarkan jadual 4 juga, pengkaji mendapati bahawa peningkatan yang paling minima ialah peningkatan daripada 82 markah ke 94 markah iaitu sebanyak 12 markah. Ini bermakna peningkatannya ialah sebanyak 15 peratus.

Seterusnya pengkaji mendapati bahawa 88 peratus daripada 25 orang peserta bengkel memperolehi sekurang-kurangnya 50 peratus peningkatan markah daripada ujian pra ke ujian pos.

Kesimpulannya, berdasarkan jadual 3 dan jadual 4, pengkaji mendapati bahawa penggunaan Kaedah Al-Hira' dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran berjaya membantu pelajar membaca al-Quran dalam masa yang singkat. Ini secara tidak langsung meningkatkan motivasi pelajar untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah. Ini telah dibuktikan apabila perbandingan di antara peratusan markah ujian pra dan ujian pos menunjukkan peningkatan.

CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Kaedah Al-Hira' merupakan salah satu daripada beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Kaedah ini menekankan prinsip latih tubi dan praktikal sebagai terasnya.

Sehubungan dengan itu, kaedah ini juga secara dasarnya sesuai digunakan untuk mengajar kursus yang mementingkan latih tubi dan praktikal seperti kemahiran tajwid dan Bahasa Arab. Keberkesanan kaedah ini dalam skop yang berlainan dicadangkan untuk kajian seterusnya seperti:

1. Kajian keberkesanan penggunaan Kaedah Al-Hira' dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Arab 1 di politeknik

2. Kajian keberkesanan penggunaan Kaedah Al-Hira' dalam meningkatkan penguasaan kemahiran Tajwid dalam kalangan pelajar politeknik.

BIBLIOGRAFI

Mohd. Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah dan kaedah pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Muhammad Roihan Al-Mandily. (2005). *Al-Hira' boleh membaca al-Quran dalam masa 24 jam*. Kuala Lumpur: Al-Hira' Enterprise.

Muhammad Roihan Hasbullah. (2005). *Ar-Ruh Al-Amin cara mudah dan praktis belajar tajiwid al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.

Omardin Ashaari. (1999). *Pengajaran kreatif untuk pembelajaran aktif*. Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rohizani Yaakub, Shahabudin Hashim, & Mohd Zohir Ahmad. (2005). *Pedagogi: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Bentong: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.

Mohd Hanafi Jusoh, Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Emel: hanz5949@yahoo.com .

Iruwan Idris, Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Emel: bukitselar@yahoo.com